



Akta Profesion Guaman Syarie 2019

9 Ogos 2019

Pendahuluan

- Profesion Guaman Syarie terletak di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Enakmen Mahkamah Syariah. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri memperuntukkan kuasa kepada Majlis untuk membuat peraturan bagi tatacara, kelayakan dan fi bagi penerimaan masuk Peguam Syarie dan bagi mengawal selia, mengawal dan menyelia kelakuan Peguam Syarie.
- Hampir kesemua negeri di Malaysia sudah mempunyai Kaedah-kaedah Peguam Syarie masing-masing. Hanya negeri Sabah sahaja yang belum mempunyai undang-undang kecil berkaitan Peguam Syarie. Namun begitu, rujukan umum kepada Peguam Syarie terdapat dalam Seksyen 32, Enakmen Mahkamah Syariah (Sabah) 2004.
- Kaedah-kaedah Peguam Syarie Negeri-Negeri mempunyai persamaan dan perbezaan. Ada Jawatankuasa Peguam Syarie yang meletakkan Penasihat Undang-undang Negeri sebagai Pengerusi dan ada juga Ketua Hakim Syarie, termasuk YDP Majlis dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Keahlian tetap, setiausaha, ahli yang dilantik, jumlah ahli dan elaun juga terdapat perbezaan.
- Pindaan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, susulan penggubalan RUU Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019

Mengapa APGS 2019?

- Kaedah-kaedah Peguam Syarie 1993 (Kaedah-kaedah Peguam Syarie) yang digubal di bawah seksyen 59 APUI WP 1993
- Ketidakteraturan syarat kelayakan akademik, perbezaan prosedur penerimaan masuk sebagai peguam, perbezaan prosedur tata tertib antara negeri dan ketidakteraturan kod etika peguam syarii
- Ketiadaan Badan Profesional khusus Peguam Syarie
- Peningkatan Bilangan Peguam Syarie dan Firma Guaman
- Pentadbiran Peguam Syarie yang tidak seragam
- Bidang kuasa jawatankuasa Peguam Syarie negeri-negeri adalah terhad jika dibandingkan tugas sebuah badan profesional
- Kelayakan Peguam Syarie yang berbeza
- Prosedur Pelantikan Peguam Syarie yang berbeza
- Yuran Peguam Syarie yang tidak seragam
- Kualiti dan Etika Peguam Syarie

Enakmen/Akta/Kaedah Berkenaan Peguam Syarie

Enakmen/Akta	Seksyen	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor) 2003.	80	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Johor), 2015.
Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah) 2008.	46	Peraturan-Peraturan Peguam Syarie (Kedah), 2016.
Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Kelantan) 1982.	18	Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Kelantan), 2000.
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Melaka) 2002.	68	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Melaka), 1989.
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.	80	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Sembilan), 2012.
Enakmen Undang-Undang Islam (Pahang) 1991.	66	Peraturan-Peraturan Peguam Syariah (Pahang) 1995.
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Pindaan 2009).	69	Kaedah-kaedah Peguam Syarie (Perak), 2003.
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006.	80	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Perlis), 1995
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pulau Pinang) 2004.	80	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Pulau Pinang), 1997.
Enakmen Mahkamah Syariah (Sabah) 2004	32	-
Ordinan Mahkamah Syariah (Sarawak) 2001.	28	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Sarawak), 1992.
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003.	80	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Selangor), 2008.
Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001	57	Kaedah-Kaedah Peguam Syar'i (Terengganu), 2015.
Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.	59	Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Wilayah Persekutuan), 1993

Bilangan Peguam Syarie

Negeri	Bilangan Peguam Syarie
Wilayah Persekutuan	506
Selangor	400
Negeri Sembilan	247
Pulau Pinang	213
Perak	210
Pahang	202
Melaka	198
Johor	193
Kedah	117
Sarawak	117
Sabah	99
Terengganu	89
Perlis	89
Kelantan	88
Jumlah	2768

Bilangan Ahli PGSM

Negeri	Bilangan Ahli
Johor	71
Selangor	66
Wilayah Persekutuan	53
Negeri Sembilan	49
Melaka	35
Pulau Pinang	30
Kedah	20
Perak	20
Perlis	12
Jumlah	356

Peguambela dan Peguamcara dan Firma Guaman

Negeri	Peguambela dan Peguamcara	Firma Guaman
Wilayah Persekutuan	7571	2145
Selangor	4572	2214
Negeri Sembilan	573	247
Pulau Pinang	1668	652
Perak	992	443
Pahang	523	216
Melaka	653	239
Johor	747	747
Kedah	612	302
Terengganu	359	142
Perlis	67	30
Kelantan	569	217
Jumlah	18,906	7637

Nisbah
Peguambela
Peguamcara:
Penduduk

Negara	Bilangan Ahli
Amerika Syarikat	1: 250
Australia NSW	1: 274
Australia Victoria	1: 308
Australia Sydney	1: 175
Hong Kong	1: 1000
India	1: 930
Japan	1: 4618
Korea Selatan	1: 3891
Singapura	1: 1203
United Kingdom	1: 500
Malaysia (Semenanjung)	1: 1518
Malaysia (Sabah)	1: 7658
Malaysia (Sarawak)	1: 3770
Malaysia (Peguam Syarie) * (Penduduk Muslim)	1: 6864

Bagaimana? Akta Di Peringkat Persekutuan

- Menerusi Akta Profesion Guaman Syarie yang diluluskan di peringkat Persekutuan.
- Perkara 76 parlimen kuasa untuk menggubal undang-undang tentang perkara yang tersenarai dalam senarai negeri,
- Perkara 76 (1) (b) atau (c) iaitu bagi tujuan **menggalakkan keseragaman undang-undang antara negeri-negeri dan jika diminta oleh dewan Undangan Negeri.**
- Limitasi:
 - 76 (1) (b): Hanya boleh “menggalakkan keseragaman”.
 - 76(1)(c): Sekiranya terdapat permintaan daripada mana-mana negeri. (Oktober 2011 dan Mac 2012, Kerajaan Negeri Melaka memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan APGS bagi negeri tersebut)
 - 76 (3): Kuasa eksekutif melaksanakan akta tersebut kekal terletak hak kepada negeri.

Bagaimana? Model Undang- undang

Menggubal Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie negeri tertentu dan seterusnya negeri-negeri boleh mengambil model undang-undang ini untuk dijadikan asas kepada enakmen profesion guaman Syarie di negeri masing-masing

Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Undang-undang Syariah dan Sivil yang ditubuhkan oleh JAKIM telah mengambil inisiatif untuk menyediakan Rang Undang-undang Profesion Guaman Syarie Wilayah Persekutuan.

Rang Undang-undang telah dibentangkan di Persidangan Jawatankuasa Penyelarasan Undang-undang Syariah dan Sivil pada 24-26 Oktober 2017 dan di Parlimen pada Julai 2019 dibahaskan 25 ahli parlimen dan Dewan Negara.

Apakah Implikasi dan Kepentingan APGS?

- 11 bahagian dan 93 seksyen yang meliputi pelbagai aspek
- Majlis Agama Islam tidak lagi mengawal selia proses kemasukan Peguam Syarie.
- Empat buah badan utama dalam urusan hal ehwal peguam syarie iaitu Lembaga Kelayakan Profesion Guaman Syarie, Badan Peguam Syarie, Majlis Peguam Syarie serta Lembaga Tatatertib.
- Tatacara pengurusan aduan adalah dinyatakan di dalam kaedah-kaedah
- Latihan dalam kamar selama 6 bulan, keperluan memperolehi sijil amalan tahunan sebelum beramal dan kewajipan peguam syarie membuka akaun anak guam.
- Kewajipan mengemukakan laporan akauntan untuk memperolehi sijil amalan tahunan.
- Peguam Syarie yang telah beramal di negeri-negeri boleh beramal di Wilayah-wilayah Persekutuan tanpa perlu menjalani latihan dalam kamar.

Mengurangkan Kuasa YDPA?

- **Pandangan I:** APGS telah mengurangkan kuasa Yang di-Pertuan Agong
- Kedudukan dan peranan YDPA hendaklah dikekalkan bertepatan dengan kehendak Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 atau Akta 505.
- Perkara 38(4) “Tiada undang-undang yang secara langsung menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja”.
- Seksyen 59(2) menyebut bahawa “Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat kaedah-kaedah...”
- Frasa “kelulusan Yang di-Pertuan Agong” telah digantikan dengan frasa “kelulusan Menteri”. “Menteri” dalam APGS ini sebagaimana tafsiran di bawah cadangan Seksyen 2 ialah Menteri yang “dipertanggungjawab dengan tanggungjawab pentadbiran agama Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan”.
- Seksyen 65 APGS menyatakan, “Majlis Peguam Syarie boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah...”.
- Seksyen 64 dan Seksyen 66 APGS, yang mana urusan membuat kaedah tentang hal ehwal peguam syarie, boleh dibuat dengan kelulusan Menteri dan tiada lagi kelulusan Yang di-Pertuan Agong.

Tidak Mengurangkan Kuasa YDPA?

- **Pandangan II:** Tidak Mengurangkan Kuasa YDPA.
- Hal perkara substantif dalam APGS ini hanya berkenaan profesion guaman syarie dan tidak membabitkan penguatkuasaan dan pentadbiran agama yang ada dalam Akta 505,
- APGS sekadar penetapan menjalankan tugas kawal selia profesion guaman syarie tanpa mengurangkan kuasa sedia ada dalam Akta 505.
- Tiada undang-undang yang secara langsung mensyaratkan perkenan Yang di-Pertuan Agong atau Majlis Raja-Raja dalam hal berkaitan pindaan undang-undang berkaitan Majlis Agama Islam.

Adakah Perlu Mendapat Perkenan YDPA?

- Perkara 38 2 (b) dan 2 (c) Majlis Raja-Raja boleh “mempersetujui atau tidak memersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama diperluas ke persekutuan secara menyeluruh;”
- Perkataan iaitu **perbuatan, amalan atau upacara agama** tidak menunjukkan secara jelas tentang hal yang berkaitan dengan amalan guaman di Mahkamah Syariah.
- RUU telah dibentangkan dan diluluskan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan melalui mesyuaratnya bertarikh 27 Februari 2019. Seterusnya, rang undang-undang ini telah diangkat kepada Yang di-Pertuan Agong dan telah diperkenankan oleh baginda pada 6 April 2019.

Bagaimana Negeri-negeri Boleh Menggunakan APGS?

- Negeri-negeri boleh mengambil model APGS ini untuk dijadikan asas kepada enakmen profesion guaman Syarie di negeri masing-masing.
- Ini secara tidak langsung akan dapat menyeragamkan undang-undang berkenaan dengan Peguam Syarie.
- Majlis Agama Islam Negeri tidak lagi mengawal selia proses kemasukan Peguam Syarie.
- Setiap negeri mempunyai Lembaga Kelayakan Profesion Guaman Syarie, Badan Peguam Syarie, Majlis Peguam Syarie serta Lembaga Tatatertib.
- Peguam Syarie yang telah beramal di negeri-negeri lain boleh beramal di negeri lain dengan prosedur kemasukan yang lebih efisien.

Peranan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan

- 3 (1) Islam status istimewa dalam Perlembagaan. **Malaysia adalah 'Islamic secular Malay federal monarchy'**.
- 3 (2) Islam ialah urusan negeri berada di bawah naungan Raja-Raja. Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, YDPA ialah Ketua Agama.
- 3 (3) Perlembagaan Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak YDPA sebagai Ketua agama Islam di Negeri.
- Perkara 3(5) - Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, YDPA hendaklah menjadi Ketua agama islam di WP; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang mengawal selia hal ehwal agama islam dan menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati YDPA mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama islam
- Hal berkaitan Islam bagi tujuan Wilayah Persekutuan dalam Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan pada Seksyen 4(k), Parlimen mempunyai kuasa perundangan berkaitan "Undang-undang dan tatacara sivil dan jenayah dan pentadbiran keadilan, termasuk (k) Penentuan hukum syarak dan undang-undang diri yang lain bagi maksud undang-undang Persekutuan;"
- **Pejabat Peguam Negara:** gubalan perundangan mengenai Islam di peringkat Persekutuan.
- **JKSM:** Penyelaras usaha-usaha penyelarasan dan penyeragaman pengurusan serta pentadbiran Mahkamah Syariah
- **JAKIM:** Penggubalan dan Penyeragaman Undang-Undang Syarak, Penyelarasan Pentadbiran Islam, Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam
 - Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan sivil.
 - *Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia (MKI).* Sekretariat adalah JAKIM.